

NO. SOALAN: 58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 30 MAC 2015

RUJUKAN : 7583

SOALAN:

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah kejayaan Polis Diraja Malaysia membanteras kegiatan judi haram dan apakah langkah yang dilakukan bagi memastikan ia tidak terus berleluasa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM), khususnya Jabatan Siasatan Jenayah memandang serius aktiviti perjudian haram terutama yang melibatkan penggunaan internet di seluruh negara. Pihak PDRM sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah perjudian ini yang banyak menimbulkan masalah sosial dan menghindari amalan negatif terutama di kalangan golongan remaja.

Statistik serbuan terhadap tempat perjudian di seluruh negara bagi tempoh Januari 2014 sehingga Januari 2015 seperti berikut:-

KONTINJEN	JUMLAH SERBUAN	SERBUAN BERJAYA	TANGKAPAN	RAMPASAN MESIN
K. LUMPUR	13786	1199	2440	21680
SELANGOR	59334	3863	4364	61319
JOHOR	7588	421	2884	5898
P.PINANG	8564	461	702	7249
SABAH	3585	328	670	5119
PERAK	5888	457	862	7471
SARAWAK	7310	936	2555	11683
PAHANG	4267	636	3663	14199
KEDAH	7714	467	1460	6150
N/SEMBILAN	15105	252	358	4260
MELAKA	639	290	438	5154
PERLIS	1	1	3	2
T/GANU	157	6	6	2
KELANTAN	3656	20	108	275
JUMLAH	137594	9337	20513	150461

Secara statistiknya, daripada operasi yang dijalankan, pihak Polis telah berjaya merampas sejumlah 150,491 unit komputer yang dianggarkan bernilai RM150,491,000 atas anggaran RM1,000 bagi setiap komputer dan komponen yang dirampas. Di samping itu, dalam tempoh yang sama seramai 20,513 orang penganjur dan pemain telah ditangkap, 16,614 kertas siasat telah dibuka dan 8,589 orang telah dituduh di Mahkamah di seluruh negara.

Bagi menentukan aktiviti perjudian ini dapat ditangani sepenuhnya daripada berulang kembali, PDRM telah menubuhkan unit pemantau yang diletakkan di bawah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) bagi memastikan setiap lapisan warga PDRM akur dan mematuhi segala prosedur demi untuk memastikan judi haram diperangi sehingga ke akar umbi. Pasukan ini akan membuat pemantauan semula terhadap premis-premis yang pernah diserbu bagi memastikan bahawa premis berkenaan tidak kembali menjalankan semula aktiviti mesin perjudian haram. Pihak JIPS telah membuat pemantauan di seluruh negara mulai bulan November 2014 sehingga kini.

Statistik pemantauan yang diperolehi daripada pihak JIPS bermula November 2014 sehingga 3 Mac 2015 seperti berikut:-

JUMLAH PEMANTAUAN	35,832
PREMIS TUTUP	35,058
PREMIS BUKA	808
SERBUAN	161
TANGKAPAN	620 ORANG
RAMPASAN BARANG	1,105
RAMPASAN WANG	RM 26,939

Selain usaha dan tindakan yang diambil oleh polis melalui operasi dan pemantauan yang dilakukan secara agresif dan berterusan, pihak PDRM kini sedang memantau *Modus Operandi* (MO) sindiket yang dipercayai akan mengubah cara daripada menggunakan premis perniagaan kepada tempat kediaman atau kaedah yang lain. Namun demikian usaha ini tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa ada penglibatan daripada orang ramai dalam menyalurkan maklumat kepada pihak polis. Orang ramai perlu menghindari aktiviti yang tidak sihat ini kerana aktiviti perjudian ini akan terus wujud jika ada permintaan daripada pemain.